



SEBILANGAN pelanggan mengeluh kerana harga makanan laut kian mahal di restoran-restoran di Kuala Perlis, Perlis.

Baht mengukuh lonjak harga makanan laut di Perlis

HARGA makanan laut yang melonjak mendadak sehingga 20 peratus di restoran-restoran sekitar Kuala Perlis, Perlis dikatakan berpunca daripada pengukuhan nilai mata wang baht Thailand berbanding Ringgit Malaysia (RM).

Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) Perlis, Khairul Amin Talib berkata, kenaikan harga itu berlaku kerana bekalan hasil laut yang digunakan di restoran di Perlis diimport dari Thailand.

"Kebanyakan hasil laut seperti ikan, sotong dan udang diimport daripada pembekal di Thailand dan apabila mata wang baht meningkat, ia secara tidak langsung menaikkan kos yang memberi kesan kepada pelanggan yang makan di restoran," katanya semalam.

Pada 23 Disember lalu, Bank Negara Malaysia mengumumkan nilai RM1 adalah bersamaan dengan 8.36 baht menyaksikan peningkatan berbanding nilai pada 2 Mac 2015 iaitu 11.22 baht.